

# Asas Pendidikan dan Kejurulatihan

# ICT

INTEGRASI TEORI, MEDIA,  
TEKNOLOGI DAN REKA  
BENTUK PEMBELAJARAN



ROSSENI DIN

## **ABSTRAK**

Aspek falsafah dan teori di sebalik pelaksanaan sesuatu pengajaran menggunakan strategi tertentu kadangkala merupakan satu aspek yang abstrak kepada guru atau jurulatih komputer. Namun demikian, setelah memahami prinsip asas dalam pendidikan dan kejurulatihan serta kepelbagaian pelajar, buku ini memperincikan falsafah dan teori dalam pendidikan dan latihan diikuti dengan kaedah pengajaran diintegrasikan teknologi komputer yang kini mungkin lebih mudah direncamkan oleh minda pembaca. Seterusnya, untuk meluaskan bidang ilmu pendidikan dan kejurulatihan yang mengintegrasikan penggunaan komputer juga dimasukkan bab-bab mengenai metodologi pembinaan sistem yang dapat menjadi panduan kepada pembaca yang berminat dalam penyelidikan pembinaan sistem sebagai media bantu pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam bidang ini. Di samping itu, guru atau jurulatih kursus-kursus yang mengintegrasikan kemudahan komputer dalam penyampaian mereka juga dapat mengatur strategi pengajaran berdasarkan kefahaman dan kepekaan yang lebih tinggi mengenai keperluan pelajar pelbagai. Oleh itu, buku ini penting kepada guru-guru, pensyarah dan jurulatih komputer yang mengajar subjek Perkomputeran STPM, Teknologi Maklumat SPM dan Komputer dalam Pendidikan KBSM serta pada peringkat institusi pengajian tinggi dan institusi Latihan Perkomputeran turut terlibat dalam melatih guru-guru yang mengajar Sains dan Matematik menggunakan teknologi komputer.